

05 SEP 1997

KELEWATAN PROJEK BAKUN TIDAK JEJAS PERANCANGAN TENAGA NEGARA

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata hari ini kelewatan dalam projek hidro elektrik Bakun tidak akan menjejaskan perancangan tenaga negara.

"Perancangan tenaga negara ketika ini sudah mencapai status tertentu dan beberapa projek yang sedang dilaksanakan ketika ini akan mengimbangi kelewatan dalam projek itu," katanya.

Beliau berkata penangguhan projek itu serta beberapa projek besar lain hanyalah satu perkara yang dianggap sebagai "memperlahankan pelbagai projek."

"Projek-projek adalah sesuatu yang hanya dapat dijalankan apabila anda mempunyai wang dan apabila berdepan dengan masalah, hanya tangguhkannya buat sementara waktu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pembukaan Perhimpunan Agung UMNO di sini, hari ini.

Semalam, Ekran Bhd mengumumkan ia tidak berjaya mencapai sebarang persetujuan dengan konsortium Asea Brown Boveri-Companhia Brasileira de Projectos Obras (ABB-CBPO) mengenai kontrak untuk membangunkan projek tenaga hidroelektrik itu yang bernilai berbilion ringgit, di Sarawak.

Dengan persetujuan yang tidak mungkin lagi diperolehi itu, syarikat berkenaan terpaksa membuat penyusunan lain untuk menyiapkan projek berkenaan, kata pengerusi eksekutifnya Tan Sri Ting Pek Khiing. Ini bermakna syarikat berkenaan terpaksa mencari syarikat lain untuk melaksanakan projek itu.

Ting berkata meskipun rundingan yang berlangsung itu mengenai syarat-syarat bagi jaminan yang tepat untuk disediakan di bawah kontrak kerja-kerja kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC) bernilai RM13.6 bilion yang dimeterai pada 2 Okt, 1996, tiada sebarang persetujuan dicapai.

Beliau menambah kontrak-kontrak itu daripada syarat-syarat sendiri tidak berkuatkuasa daripada segi undang-undang.

Projek itu akan diuruskan oleh Bakun Hydroelectric Company (BHEC), dengan Ekran memegang 32 peratus pegangan di dalamnya, kerajaan negeri Sarawak 19 peratus, Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak sembilan peratus, Tenaga Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) masing-masing lima peratus dan orang ramai 25 peratus.

Laporan mengenai pertikaian berhubung kontrak Bakun di antara Ekran dan ABB timbul pada Julai lalu apabila Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan masalah yang wujud di antara kedua-dua kumpulan berhubung EPC dan berikutan pertikaian itu, pembinaan empangan berkenaan terlewat daripada jadual asal.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pada Julai lalu, jika Ekran dan ABB tidak dapat menyelesaikan perbezaan di antara mereka "kami terpaksa membatalkan kontrak itu."

Projek itu sepatutnya disiapkan pada tahun 2003 bagi menyediakan bekalan tenaga kepada negara untuk menampung permintaan yang meningkat sejajar dengan pertumbuhan pesat dalam kegiatan ekonomi negara. -- BERNAMA

AD ZK/sia